

Kerangka Pembangunan Insan Dalam Mengupaya Keusahawanan Asnaf: Rasulullah SAW Sebagai Model Usahawan

Human Development Framework in Strengthening Asnaf Entrepreneurship: Rasulullah SAW as An Entrepreneur Model

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif¹, Mohd Afandi Mat Rani², Mohammad Syahrul Deen Ahmad Rosli³, Nurazlina Mamat⁴, Murihah Abdullah⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

⁵ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 30 November 2021

Disemak: 30 November 2021

Diterbit: 30 November 2021

*Perhubungan Penulis:

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif,
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari, Universiti
Teknologi MARA, Shah Alam,
Malaysia
Email:
izzatamsyar@uitm.edu.my

Abstrak: Usahawan asnaf dapat diklasifikasikan sebagai asnaf fakir dan miskin yang didedahkan dengan kemahiran dan kecenderungan dalam bidang keusahawanan. Bantuan modal yang diterima oleh institusi zakat membolehkan mereka berkecimpung dalam bidang perniagaan, sekaligus bertujuan untuk menjadikan asnaf sebagai pengeluar zakat. Justeru, artikel ini membincangkan aspek yang dapat diteladani oleh usahawan asnaf berpandukan perjalanan sirah Nabi Muhammad SAW sebagai peniaga dan pedagang yang berjaya. Kajian merumuskan bahawa kualiti peribadi berpandukan agama adalah amat penting membangunkan dan merealisasikan keusahawanan asnaf yang berjaya.

Kata kunci: Idea; asnaf; insan; pembangunan; usahawan; zakat

Abstract: *Asnaf entrepreneurs can be classified as poor and needy asnaf who are exposed to skills and inclinations in the field of entrepreneurship. The capital assistance received by zakat institutions enables them to engage in business, at the same time aiming them later to transform into producers of zakat. Thus, this article discusses the aspects that can be emulated by asnaf entrepreneurs based on the historical journey of the Prophet Muhammad SAW as a successful trader. The study concludes that religiously-guided personal qualities are very important in developing and realizing successful asnaf entrepreneurship.*

Keywords: *Idea; asnaf; human; development; zakat*

Pengenalan

Usahawan adalah merujuk kepada usaha seseorang yang mengambil risiko semasa memulakan atau menubuhkan perniagaan atau perusahaan (Zaimah & Sazuani, 2017). Proses keusahawanan melibatkan aktiviti komersial yang menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dengan menawarkan peluang pekerjaan. Hal ini

sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, begitu juga melibatkan pembangunan sosio-ekonomi individu dan masyarakat. (Norshabiha & Sharifah, 2020). Selain itu, keusahawanan yang penghasilan sesuatu produk atau perkhidmatan bagi memenuhi keperluan serta kehendak masyarakat merupakan usaha yang murni dalam Islam. Namun, realiti umat Islam hari ini sering dikaitkan dengan kemiskinan dan kemunduran daripada

aspek ekonomi (Abdul Kholiq, 2012). Islam menyifatkan polemik kemiskinan dan kefakiran sebagai wabak mengancam kestabilan sosial dan ideologi (Hussein et.al, 2019).

Institusi zakat memainkan peranan bagi membantu ekonomi umat Islam. Antara mekanisme pembasmian kemiskinan yang telah dijalankan adalah memenuhi keperluan asnaf. Keusahawanan merupakan antara langkah pemerkasaan asnaf fakir dan miskin yang semakin mendapat perhatian (Dayang et.al, 2020). Bantuan yang diterima oleh golongan asnaf terdiri dalam beberapa bentuk, seperti bantuan tetap bulanan atau modal bagi membolehkan mereka berdikari.

Usahawan asnaf merupakan golongan asnaf dalam kategori fakir dan miskin yang ingin ditransformasikan kepada asnaf produktif melalui platform keusahawanan. Usahawan asnaf merupakan suatu konsep yang baru diteroka di Malaysia (Norshabiha & Sharifah, 2020; Dayang et.al, 2020). Menurut Isma & Mohamad Zahir (2011), usahawan asnaf ialah individu yang melalui proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat. Proses penciptaan usaha niaga merupakan fasa atau peringkat tertentu yang perlu dilalui sebelum golongan ini menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan dan bimbingan daripada institusi zakat di negeri masing-masing. Usaha ini menekankan konsep sendiri dalam diri penerima dan memotivasikan asnaf sebagai penerima zakat untuk berdikari, sekaligus menyumbang kepada komuniti.

Metodologi

Artikel ini merupakan penulisan konseptual dengan menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian perpustakaan sebagai sumber utama. Data yang digunakan bagi tujuan analisis dan penilaian adalah berbentuk sekunder yang terdiri daripada artikel ilmiah, jurnal, dan buku yang berkaitan sirah Nabi Muhammad SAW, asnaf, keusahawanan. Data yang diperolehi seterusnya dianalisis dengan mengaplikasi kaedah deduktif dalam menyusun dan menghasilkan artikel.

Latarbelakang Kajian

Dalam Islam, tiada ketetapan yang khusus bagi seseorang muslim untuk menceburi bidang tertentu bagi memenuhi keperluan hidup selagi bidang tersebut mematuhi prinsip umum dalam Islam. Perkara yang utama ditekankan kepada umat Islam untuk bekerja bagi mendapat sumber rezeki yang halal. Dalam konteks kajian, keusahawanan membuka peluang kerjaya dan menghasilkan individu yang berdaya saing. Selain daripada usahawan asnaf membangunkan kelangsungan hidup dalam kehidupan diri sendiri, secara tidak langsung

menyumbang dalam membangunkan negara. Firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah:

Terjemahan: *“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”* (QS al-Taubah: 105)

Berdasarkan ayat tersebut menunjukkan keluasan Islam dalam memberi peluang kepada umatnya untuk berfikir dalam mengenalpasti potensi dan kecenderungan yang ada dalam diri. Selain mengambil kira potensi, peluang, dan jenis perniagaan yang ingin diceburi, usahawan asnaf harus mengambil kira apakah perniagaan tersebut boleh memberikan pahala untuk kehidupan dan dikira sebagai ibadah.

Pendapatan terbaik yang digunakan untuk membiayai keperluan peribadi dan keluarga adalah pendapatan yang diperolehi dalam keadaan mencurahkan tenaga, dan tidak hanya bergantung dengan pemberian dan sedekah orang ramai (Ali, 2007; al-Buti 2008). Umat Islam mempunyai tanggungjawab sosial terhadap komuniti, termasuk usahawan asnaf. Pembayar zakat dapat disimpulkan sebagai orang yang berjaya. Hal ini kerana orang tersebut mempunyai lebih harta dan melepasi satu aras kehidupan. Harta yang diperolehi dapat disumbangkan kepada ahli masyarakat yang lain dalam bentuk sedekah dan zakat (M. Shodiq, 2016).

Sumbangan berbentuk kewangan mahupun keperluan asasi (makanan, pakaian, dan tempat tinggal) kepada golongan asnaf fakir dan miskin belum tentu mampu membasmi kemiskinan secara holistik (Hussein, et.al, 2019). Usaha pihak institusi zakat untuk memperluaskan jenis bantuan, bahkan menyediakan suntikan modal daripada kepada asnaf untuk menjadi usahawan merupakan adalah sangat signifikan dan berpandangan jauh.

Walaupun bagaimanapun, usahawan asnaf telah menerima bantuan modal daripada institusi zakat, ia bukan suatu jaminan bahawa perniagaan tersebut akan terus digarap dengan cemerlang. Pembangunan kualiti diri sebagai usahawan adalah amat penting dalam mengorak langkah yang lebih jauh (Norshabiha & Sharifah, 2020; Trisno, 2018). Kualiti peribadi yang terbaik untuk dicontohi oleh usahawan asnaf dalam aspek perniagaan ialah Nabi Muhammad SAW. Justeru, artikel ini bertujuan meninjau aspek yang dapat diteladani oleh

usahawan asnaf berpandukan perjalanan sirah Nabi SAW sebagai peniaga dan pedagang yang berjaya.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perjalanan hidup Nabi Muhammad SAW dalam berniaga dan berdagang turut menjadi sebahagian catatan sirah baginda SAW (Abdullah, 2015). Pengalaman tersebut tidak hanya menjadi rujukan kepada para sahabat dan kaum pada zaman tersebut, bahkan relevan kepada umat Islam di setiap zaman (Heriyansyah, 2018). Para Nabi AS yang lain turut bekerja dan menggunakan kudrat yang telah dikurniakan Allah SWT, malah menguasai sebahagian bidang pekerjaan. Sebagai contoh, Nabi Daud AS mahir dalam pembuatan baju besi, Nabi Musa AS juga pernah mengembala kambing selama 8 tahun, dan sebagainya (Abdullah, 2015).

Rasulullah SAW dianugerahkan bapa saudara, Abu Talib yang mencurahkan seluruh perhatian, kasih sayang dan keperluan kepada baginda. Namun, baginda SAW sedar bahawa dirinya mampu untuk berusaha untuk menyumbang sesuatu kepada keluarga Abu Talib. Baginda SAW meminta kepada Abu Talib untuk bekerja demi meringankan keperluan keluarga bapa saudara. Meskipun pulangan hasil titik peluhnya tidak seberapa, namun ia memberi pulangan dalam membina tabiat semangat untuk bekerja dan berinteraksi dengan masyarakat (Ali, 2007).

Usia belia dan berstatus anak yatim tidak menjadi halangan kepada baginda SAW untuk mula berusaha mencari rezeki. Rasulullah SAW bersabda tentang dirinya: *“Dahulu saya pernah mengembala kambing penduduk Mekah dengan bayaran qararit.”* Qararit dapat dijumlahkan dengan 1/24 dinar (Ali, 2007). Perniagaan Nabi Muhammad SAW merupakan kesinambungan daripada cabaran hidup baginda yang dimulakan dengan menternak kambing (al-Buti, 2008).

Sebahagian besar profesion kaum Quraisy adalah berdagang, bukan sahaja merentas daerah, bahkan menembusi kota dan negara sebagai kerjaya dalam mencari pendapatan (Heriyansyah, 2018). Ketika meningkat usia belia, Nabi Muhammad SAW mula mengikut Abu Talib dalam berdagang. Baginda SAW menghadapi dengan etika jujur (al-sidqah) dan professional dalam transaksi.

Keperibadian baginda SAW yang mulia dalam berniaga menjadi bualan masyarakat Arab. Hal ini sampai ke pengetahuan konglomerat Mekah, iaitu Khadijah binti Khuwailid. Baginda SAW diberi kepercayaan dan dilantik menjadi pengurus perniagaan. Perdagangan yang diurusakan oleh Nabi Muhammad SAW semakin berkembang dan melibatkan lokasi yang lebih luas, seperti Yaman dan Syam melalui Madyan dan Wadi al-Qura. Keuntungan yang diperolehi lebih besar berbanding kelompok perniagaan yang lain (al-Buti, 2008).

Rasulullah SAW dapat diklasifikasikan sebagai perintis kepada lahirnya usahawan Muslim yang lain pada zaman tersebut. Semangat keusahawanan diikuti oleh para sahabat seperti Abdurrahman bin Auf, Zubair Ibnu Awwam, Talhah bin Ubaidilah, dan Shuhaib bin Sinan (Heriyansyah, 2018). Para sahabat tersebut turut mempunyai kualiti, keperibadian dan etika keusahawanan yang amat tinggi. Perniagaan yang dijalankan oleh baginda SAW dan para sahabat menghasilkan perniagaan yang berjaya dan melibatkan keuntungan. Dari sudut yang lain, hal ini juga membuktikan dan membawa mesej bahawa umat Islam juga menuju ekonomi yang maju (*economic civil society*).

Menurut Suwandi dan Wan Nasyrudin (2016; 2017), tiga ciri utama dalam perniagaan Nabi Muhammad SAW adalah seperti berikut:

a) Tauhid

Nabi Muhammad SAW menceburi bidang perniagaan sejak belia, tanpa modal, serta tanpa pergantungan kepada ibu bapa untuk mengharapkan sesuatu. Hal ini menunjukkan kebergantungan baginda kepada Allah SWT adalah sangat tinggi. Keimanan, sifat yakin dan berharap hanya kepada Allah SWT merupakan antara elemen penting dalam pembinaan jati diri sebagai usahawan (Ali, 2007). Usahawan asnaf harus menganggap perniagaan sebagai ibadah dan yakin bahawa rezeki dalam perniagaan adalah kurniaan Allah SWT. Sesungguhnya manusia diciptakan untuk beribadah, manakala rezeki dalam perniagaan adalah sesuai ketentuan-Nya. Firman Allah SWT:

Terjemahan: *“Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”* (QS al-Talaq: 2-3)

b) Sidqah

Dalam transaksi perniagaan, Nabi SAW merupakan peniaga yang jujur dengan gelaran al-Amin. Baginda tidak membenarkan usahawan untuk menjual

barang yang terdapat kecacatan (tadlis), kecuali dijelaskan kepada pembeli (Trisno, 2018; Siti Fatimah, 2017). Menurut Heriyansyah (2018), kejujuran baginda terlihat dalam komunikasi dan berjaya menarik para pedagang untuk berinteraksi dengannya. Baginda tidak menghabiskan masa yang lama untuk proses tawar-menawar. Terdapat gesaan untuk bersama dengan orang yang benar. Firman Allah SWT:

Terjemahan: “*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.*” (QS al-Taubah: 119)

Usahawan asnaf harus membina perniagaan berlandaskan etika, integriti, dan sentiasa jujur dan tidak melakukan sebarang penipuan ketika berniaga. Kepentingan terhadap kejujuran dalam perniagaan dapat dibahagikan kepada beberapa aspek: iaitu a) Allah SWT mengutuk orang yang berlaku tidak adil dalam perniagaan; dan b) usahawan asnaf menggunakan bantuan modal daripada institusi zakat merupakan tanggungjawab yang besar. Ciri kejujuran juga dapat diaplikasikan dalam banyak keadaan, antaranya:

- i. Benar dan telus dalam menghasilkan produk yang berkualiti. Proses pengeluaran produk benar-benar menggunakan bahan yang dinyatakan kepada pengguna
- ii. Telus dalam membuat perkiraan sama ada timbangan atau ukuran; dan pengiraan modal dan kos.
- c) Amanah

Sifat amanah dalam perniagaan Nabi Muhammad SAW dipercayai oleh semua pihak, sama ada terhadap majikan, pekerja, mahupun pelanggan. Menurut Heriyansyah (2018), Nabi Muhammad SAW sejurus selepas pulang dari berdagang, baginda terus memulangkan seluruh modal dan untung kepada Khadijah RA selaku majikan. Usahawan asnaf hendaklah menunaikan hak terhadap pekerja dan pelanggan yang terlibat dalam perniagaannya (M. Shodiq, 2016). Baginda SAW juga memerintahkan agar usahawan untuk bersegera membayar upah pekerja sebelum keringat dalam bekerja; menunjukkan gesaan untuk bersegera dalam menunaikan tanggungjawab. Dalam mengaplikasikan sifat amanah dan tidak berlengah, ia melibatkan konsistensi dalam membina kredibiliti diri untuk dipercayai. Al-Quran menjelaskan bahawa setiap Muslim wajib memenuhi janji. Firman Allah SWT:

Terjemahan : “*Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah*

perjanjian-perjanjian.” (QS al-Maidah 5: 1).

Kualiti peribadi usahawan berpandukan agama telah terbukti menjadikan Muhammad SAW sebagai peniaga yang berjaya. Jadual 1 menunjukkan ringkasan perbandingan keusahawanan dalam konteks perjalanan Nabi Muhammad SAW dengan konteks semasa usahawan asnaf.

Jadual 1: Ringkasan Perbandingan Konteks Perjalanan Keusahawanan Nabi Muhammad SAW dengan Usahawan Asnaf

Konteks Keusahawanan Muhammad SAW	Perjalanan Nabi	Konteks Semasa Usahawan Asnaf
Meminta bapa saudara untuk keluar bekerja		Keinginan dan motivasi intrinsik yang kuat
Bermula dengan mengikut saudara Abu Talib		Bermula dengan belajar daripada orang yang mahir sebelum memulakan secara sendiri
Imej dan kredibiliti diri menjadi kepercayaan dan kelebihan		Membina imej diri sebagai peniaga yang boleh dipercayai

Rumusan

Peluang yang ditawarkan oleh institusi zakat berupa suntikan modal kepada usahawan asnaf wajar digunakan secara optimum dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan diri, dan bukan suatu loncatan untuk ‘kaya segera’. Konsep materialistik telah mendominasi setiap manusia, khususnya peniaga dan pengusaha (Trisno, 2018). Keusahawanan asnaf meskipun secara mikro merupakan langkah permulaan yang praktikal dan efektif (Hussein et.al, 2019). Walaupun hanya bermula dengan pendapatan yang tidak tinggi tetapi dijana secara konsisten, akhirnya akan mengeluarkan usahawan asnaf dari garis kemiskinan.

Agenda pemerksaan usahawan asnaf yang berkesan bermula daripada kemahuan, pembinaan kualiti diri muslim dan usaha yang berterusan. Konsultasi kepada usahawan asnaf secara konsisten adalah amat penting (Hussein et.al, 2019). Hal ini melibatkan pengurusan dan kemahiran dalam keusahawanan, nasihat dan bimbingan, serta motivasi untuk membina transformasi dalam kehidupan. Sikap komited dalam menggunakan bantuan yang diterima haruslah diterapkan dalam kalangan usahawan asnaf.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh UiTM di bawah Geran Khas UiTM yang bertajuk 'Formulasi Model Produktif Keusahawanan Zakat Sebagai Mekanisme Transformasi Ekonomi Asnaf Miskin Luar Bandar' 600-RMC 5/3 (264/2020).

Rujukan

- Abdul Kholiq. (2012). *Pendayagunaan Zakat, Infak dan Sedekah untuk Pembedayaan Ekonomi Masyarakat Miskin di Kota Semarang*. Riptek Vol. 6 No. 1 (1-7)
- Abdullah Nasih Ulwan. (2015). *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Ali Laban. (2007). *Asas-Asas Islam: Modul Pembangunan Insan*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers.
- Dayang Shobihah Abang Bhai, Mohd Daud Awang, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Arfah Ab. Majid, dan Hadi Hamli. (2020). *Bentuk Bantuan Modal Agihan Zakat Asnaf dan Pencapaian Usahawan Asnaf di Malaysia : Kajian Empirikal*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities. Volume 5: Issue 1 93-99.
- Heriyansyah. (2018). *Perjalanan Bisnis Nabi Muhammad SAW*. Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam. Ad-Deenar. E-ISSN: 2614-8838
- Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Muhamad Firdaus Ab Rahman & Azman Ab Rahman. (2019). *Analisis Strategi Pemerksaan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Hadis Lelaki Ansar*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 17 No. 2 (Special Edition).
- Isma Addi Jumri dan Mohamad Zahir Zainudin. (2011). *Pembangunan Modal Insan dalam Kalangan Fakir dan Miskin sebagai Usahawan: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor*. Journal of Human Capital Development (JHCD), Vol. 4 Issue 2 41-56.
- M. Shodiq Ahmad. (2016). *Menggendakan Harta Benda Menurut al-Quran dan Sunah Nabi*. Riwayah: Jurnal Studi Hadis. Vol 2 No. 2
- Muhammad Said Ramadan al-Buti (2008). *Fiqh al-Sirah 1*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Norshabiha Ibrahim dan Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2020). *Keunikan Budaya Berniaga Wanita Kelantan di Bandar Kota Bharu*. E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities. Vol. 17 No.1 93-107.
- Siti Fatimah. (2017). *Analisis Praktek Tadlis pada Masyarakat Kota Makassar: Studi Lapangan Pedagang Buah-Buahan di Kota Makassar*. Jurnal Ilmiah Bongaya.
- Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2017). *Perniagaan Muhammad SAW Era Setelah Kenabian: Sebuah Tamadun Baharu*. Jurnal Hadhari 9 (2)(2017) 337-351. UKM Press
- Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2016). *Konsep Perniagaan Islam Kajian al-Quran dan al-Sunnah*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 3 Bil 2
- Trisno Wardy Putra. (2018). *Investasi dalam Ekonomi Islam*. Jurnal Ulumul Syar'i. Vol 7 No. 2.
- Zaimah R., Sazuani Abdullah. (2017). *Tahap Keupayaan Usahawan dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana di Kuala Terengganu*. GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space Vol.13 Issue 4 (117-125)